

Untuk Siaran Segera

6 Februari 2023

Kenyataan oleh MRL Mengenai Pembukaan Tanah di Hutan Simpan Kerajaan Negeri

Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) mengambil maklum terhadap kebimbangan yang disuarakan oleh sebuah badan bukan kerajaan (NGO) mengenai pembukaan tanah untuk projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Selangor.

MRL, sebagai pemilik projek ECRL dan China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd (CCC-ECRL) sebagai kontraktor utama sentiasa komited dalam memenuhi semua keperluan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri untuk memelihara alam sekitar dan menjaga kepentingan orang awam. Bagi projek yang sedang berjalan di negeri Selangor, kami sedang bekerja rapat dengan pihak-pihak berkuasa dan agensi-agensi kerajaan di semua peringkat termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Jabatan Alam Sekitar (DOE) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Kerja-kerja pembinaan ECRL untuk Seksyen C2 ECRL (Gombak-Serendah-Pelabuhan Klang) yang secara keseluruhannya terletak di negeri Selangor, dijalankan dengan teliti di bawah rundingan bersama komuniti tempatan dan pihak berkepentingan yang berkenaan serta mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Sebagai rekod, kelulusan Skim Kereta Api ECRL bagi Seksyen C2 telah diberikan oleh Kementerian Pengangkutan kepada MRL pada 14 Januari 2022 selepas Pemeriksaan Awam selama 3 bulan dijalankan mengikut peruntukan undang-undang Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), satu laporan wajib dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, telah diserahkan kepada DOE pada 30 November 2021 dan mendapat kelulusan pada 20 Disember 2021.

Pada 14 September 2022, kami telah mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri Selangor untuk meneruskan pembinaan projek ECRL bagi jajaran rel Seksyen C2 di Selangor.

Kami ingin menyatakan bahawa pembukaan tanah untuk Projek ECRL di Selangor tidak melibatkan penyahwartaan hutan simpan termasuk kawasan-kawasan di Taman Negeri Selangor. Bagi memudahkan kerja-kerja awal peminan ECRL, MRL telah memperolehi kebenaran daripada Jabatan Perhutanan untuk permit izin lalu (*right-of-way permit*) supaya kontraktor-kontraktor kami dapat memasuki kawasan hutan simpan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berlesen yang berkaitan ECRL.

Bagi memelihara alam sekitar, Projek ECRL telah mematuhi garis panduan dan syarat termasuk Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan Pelan Kawalan Hakisan dan Endapan (ESCP) yang masing-masing telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (DOE) dan Jabatan Pengairan dan Salinan (DID).



Tambahan pula, pihak MRL dan CCC-ECRL proaktif mengadakan mesyuarat dan sesi libat urus dengan pihak berkuasa negeri Selangor dan semua pihak berkepentingan projek ECRL termasuk penduduk yang tinggal berhampiran tapak kerja ECRL. Ini adalah untuk memastikan suara dari pihak-pihak yang terjejas dan pendapat-pendapat orang awam dipertimbangkan sepenuhnya bagi meminimumkan kesan terhadap alam sekitar dan impak sosial.

Sehubungan, MRL dan CCC-ECRL mengalu-alukan pandangan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan berkenaan projek ECRL serta terbuka untuk mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak jika perlu. Sebarang cadangan boleh diajukan ke alamat emel feedback@mrl.com.my.

-Tamat-

Disediakan oleh Jabatan Komunikasi Korporat Malaysia Rail Link Sdn Bhd. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Hazelinda Mazlan (03-6411 5800 samb. 5830 / hazelinda.mazlan@mrl.com.my) atau Yong Min Wei (03-6411 5800 samb. 5835 / mwyong@mrl.com.my) atau Ani Azureen Zainuddin (03-6411 5800 samb. 5913 / azureen@mrl.com.my).